

PM: Ambil iktibar

KUALA LUMPUR 7 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa rakyat Malaysia tidak seharusnya leka dengan pencapaian ekonomi sekarang kerana negara pernah mengalami zaman kemelesetan yang akan berulang jika mereka tidak berwaspada.

Perdana Menteri berkata, kemelesetan itu akan berulang jika rakyat tidak mengambil iktibar dan lupa kepada pengajaran yang diperoleh semasa zaman kemelesetan dahulu.

“Dalam perkembangan ini apa yang lebih penting ialah cabaran untuk mengatasi tekanan-tekanan inflasi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam institusi-institusi kewangan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Menurut Dr. Mahathir, kebanyakan negara sering memasukkan faktor inflasi ke dalam kos dan harga barangan untuk mengawal inflasi.

“Kesatuan sekerja membuat tuntutan dan majikan pula bersetuju untuk menaikkan gaji secara tetap setiap tahun untuk menghadapi inflasi. Sekurang-kurangnya untuk tiga dan lima tahun semakan gaji dilakukan tanpa mengambil kira faktor daya pengeluaran.

“Mereka (kebanyakan negara) percaya dengan berbuat demikian ia boleh mempengaruhi kesan yang diwujudkan oleh inflasi.

“Sebenarnya mereka tahu dengan berbuat demikian mereka menyumbang kepada inflasi, tetapi mereka tidak boleh menggunakan hujah ini kerana tidak ada siapa yang akan menerimanya,” tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, ada sesetengah negara mengalami inflasi negatif tetapi ekonomi mereka tidak dapat berkembang, malah pertumbuhan ekonomi mereka berada pada paras kosong atau negatif.

“Kita (kerajaan) tidak berpuas hati dengannya dan kita tidak mahu membuat sesuatu sehingga berlaku seperti itu,” ujarnya.

Dr. Mahathir menjelaskan, mengikut petunjuk-petunjuk terkini, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia harus dikekalkan pada paras lapan peratus dan ke atas pada 1994 dan 1995.

Beliau memberitahu, Malaysia telah memasuki tahun kelapan dalam perkembangan ekonominya sejak 1987 dan turut menjangka kegiatan ekonomi akan terus kukuh untuk beberapa tahun akan datang.

“Ini merupakan tempoh perkembangan ekonomi yang paling panjang dan kukuh dalam masa tiga setengah dekad,” katanya.

zaman meleset

Dr. Mahathir berkata, adalah tidak bermakna jika dengan pendapatan yang diperolehi, seseorang tidak dapat membeli barangan dan perkhidmatan yang diperlukan.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir menjelaskan, rakyat di negara ini boleh membeli barangan dan perkhidmatan jauh lebih banyak daripada sesetengah negara walaupun dengan jumlah pendapatan yang sama banyak.

Ini kata beliau adalah kerana kos hidup yang sangat tinggi di negara-negara berkenaan.

“Sebab inilah kita (kerajaan) membantah sebarang cubaan dari kesatuan sekerja Barat untuk mendesak supaya kadar upah dinaikkan,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, Sukatan Kuasa Beli Pariti (PPP) iaitu sukatan yang membandingkan berapa banyak seseorang boleh membeli dengan jumlah wang yang sama banyak di negara-negara yang berbeza iaitu sukatan perbandingan kekayaan sesebuah negara, menunjukkan pendapatan setiap rakyat Malaysia sebanyak AS8,050 setahun dan bukannya AS3,230.

Sukatan terbaru ini lebih mewakili kenyataan kerana ia mengambil kira kadar inflasi dan kos hidup untuk mengukur kekayaan sesebuah negara dengan lebih tepat daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

Dr. Mahathir berkata, Jepun sebagai negara maju hanya mempunyai PPP sebanyak AS20,160 iaitu dua kali besar daripada Malaysia.

“Dengan sukatan yang digunakan itu, Malaysia tidak jauh ke hadapan daripada segi kos hidup berbanding dengan negara-negara jiran yang mempunyai kos hidup yang rendah,” ujarnya.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak mustahil untuk membayar pada kadar yang lebih rendah untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tanpa menjejaskan perniagaan dan menggugat ekonomi negara.

“Sebagai contohnya, jika harga barangan dikurangkan sebanyak 10 peratus ... pendapatan dan cukai juga harus dikurangkan sebanyak 10 peratus,” tambahnya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan sejak kebelakangan ini telah mengurangkan pelbagai jenis cukai termasuk cukai bagi barangan mewah untuk membolehkan barangan berkenaan dibeli oleh lebih banyak orang.

Perdana Menteri turut menyarankan supaya para pakar ekonomi, kewangan dan percukaian supaya mengkaji kesan-kesan jika dilakukan pengurangan dalam semua aspek termasuk gaji.

“Bagaimana dengan para pelabur tempatan dan asing? Apakah mereka tidak akan tertarik untuk melabur di Malaysia di mana dengan pengurangan itu kos mereka juga akan turut menurun?”

“Jika upah di Malaysia adalah rendah, apakah akan ada jumlah pendatang yang begitu banyak,” tanya Dr. Mahathir.